

## TERMA TERMA DAN SYARAT SYARAT Kempen "CIMB RM150 OFF MHflypass ASEAN"

1. Kempen "CIMB RM150 OFF MHflypass ASEAN" ("**Kempen**") adalah anjuran bersama CIMB Bank Berhad [No Pendaftaran: 197201001799 (13491-P)] ("**CIMB Bank**") dan CIMB Islamic Bank Berhad [No Pendaftaran: 200401032872 (671380-H)] ("**CIMB Islamic Bank**"). CIMB Bank dan/atau CIMB Islamic Bank hendaklah dirujuk secara kolektif di sini sebagai "**CIMB**".

### Tempoh Kempen

2. Kempen akan bermula dari 3 Julai 2024 sehingga 31 Oktober 2024, termasuk kedua-dua tarikh tersebut ("**Tempoh Kempen**").
3. CIMB berhak memberikan notis tidak kurang daripada tujuh (7) hari kalendar untuk menukar tempoh dan/atau permulaan dan/atau tarikh tamat Jangka Masa Kempen dan/atau Tempoh Kempen.

### Kelayakan

4. Kempen ini adalah terbuka kepada pemegang kad kredit utama dan/atau tambahan CIMB (tidak termasuk Kad Platinum Business CIMB dan Kad Fuel Tanker CIMB) yang dikeluarkan oleh CIMB di Malaysia, selepas ini adalah dirujuk secara kolektif sebagai "**Peserta Yang Layak**".

### Syarat-syarat dan Mekanik Kempen

5. Semasa Tempoh Kempen, Peserta Yang Layak akan dapat potongan Ringgit Malaysia Satu Ratus dan Lima Puluh (RM150) untuk pembelian MHflypass ASEAN ("**Diskaun**") pada <https://shop.myjournify.com/promo/cart/682/cimbflypassexclusive> dan/atau aplikasi Journify yang mana Peserta Yang Layak perlu memasukkan **Kod Promo: CIMBFLYPASS150** sebelum halaman pembayaran dan memastikan pembayaran adalah dibuat menggunakan kad kredit/-i CIMB ("**Kad Kredit Yang Layak**"). Tempoh Perjalanan adalah sad untuk Satu (1) Tahun dari tarikh pembelian. MHflypass adalah sah untuk penerbangan yang dikendalikan oleh Malaysia Airlines dan Firefly yang terbang ke/dari mana-mana titik pelepasan dalam destinasi zon yang ditentukan.
6. Kempen ini tertakluk kepada terma dan syarat berikut:
  - i) Tertakluk kepada had **bulanan sebanyak Dua Ribu Dua Ratus dan Lima Puluh (2,250) penebusan** atas dasar siapa-cepat-dia-dapat;
  - ii) Bagi **Diskaun** yang dinikmati oleh Peserta Yang Layak dalam setiap bulan kempen, Peserta Yang Layak dikehendaki memenuhi **perbelanjaan minima Ringgit Malaysia Dua Ribu (RM2,000)** pada Transaksi Perbelanjaan Layak dalam Bulan kempen tersebut ATAU dalam tempoh Tiga Puluh (30) hari bermula dari tarikh pembelian MHflypass ASEAN tersebut ("**Syarat Perbelanjaan**"), tidak termasuk transaksi untuk pembelian MHflypass tersebut.
  - iii) Untuk mengelakkan sebarang keraguan, bagi beberapa Diskaun yang dinikmati oleh Peserta Yang Layak dalam satu bulan kempen, Syarat Perbelanjaan mesti dipenuhi dalam bulan

kempen yang sama ATAU dalam tempoh Tiga Puluh (30) dari hari tarikh pembelian MHflypass pertama dalam bulan kempen tersebut.

Bagi beberapa Diskaun yang dinikmati oleh Peserta Yang Layak dalam bulan kempen yang berbeza, Syarat perbelanjaan mesti dipenuhi dalam bulan kempen yang berkenaan ATAU dalam tempoh Tiga Puluh (30) dari hari tarikh pembelian MHflypass yang berkenaan.

- iv) Jika Peserta Yang Layak tidak memenuhi Syarat Perbelanjaan yang dinyatakan dalam Klausa 6(ii), **Diskaun yang dibagikan akan diimbangi oleh Ringgit Malaysia Seratus (RM100)** yang akan ditagihkan kepada akaun kad kredit utama Peserta Yang Layak dalam tempoh 12 minggu selepas tamat tempoh kempen. Jumlah imbalan akan dipaparkan dalam penyata bulanan kad kredit Peserta Yang Layak yang seterusnya.

Illustrasi 1: Illustrasi Diskaun yang dinikmati oleh Peserta Yang Layak dan Syarat Perbelanjaan yang berkaitan

Peserta Yang Layak	Tarikh Diskaun dinikmati oleh Peserta Yang Layak	Syarat Perbelanjaan	Tempoh di mana Peserta Yang Layak dikehendaki memenuhi Syarat Perbelanjaan	Jumlah keseluruhan Transaksi Perbelanjaan Layak tidak termasuk pembelian MHflypass	Memenuhi Syarat Perbelanjaan	Jumlah Imbalan yang ditagih kepada akaun kad kredit Peserta Yang Layak
A	12 Julai 2024	RM2,000	1 Julai – 31 Julai 2024 ATAU 12 Julai – 10 Ogos 2024	RM2,400  RM1,900	Ya	Tiada
B	18 Julai 2024	RM2,000	1 Julai – 31 Julai 2024 ATAU 18 Julai – 16 Ogos 2024	RM800  RM2,200	Ya	Tiada
C	15 Ogos 2024	RM2,000	1 Ogos – 31 Ogos 2024 ATAU 15 Ogos – 13 September 2024	RM1,200  RM1,500	Tidak	RM100
D	5 Ogos 2024	RM2,000	1 Ogos – 31 Ogos 2024 ATAU 5 Ogos – 3 September 2024	RM1,800	Ya	Tiada
	17 Ogos 2024			RM2,100		
E	7 Ogos 2024	RM2,000	1 Ogos – 31 Ogos 2024 ATAU 7 Ogos – 5	RM1,600  RM2,300	Ya	Tiada

			September 2024			
	20 September 2024	RM2,000	1 September – 30 September 2024 ATAU 20 September – 19 Oktober 2024	RM3,200  RM1,900	Ya	Tiada
	5 Julai 2024	RM2,000	1 Julai – 31 Julai 2024 ATAU 5 Julai – 3 Ogos 2044	RM2,500  RM2,200	Ya	Tiada
F	10 Ogos 2024	RM2,000	1 Ogos – 31 Ogos 2024 ATAU 10 Ogos – 8 September 2024	RM1,700  RM1,900	Tidak	RM100

**“Transaksi Perbelanjaan Layak”** - rujuk Klausa 7 untuk maklumat lanjut.

7. **“Transaksi Perbelanjaan Layak”** adalah transaksi pembelian untuk barangan dan perkhidmatan termasuk transaksi tempatan, luar negara, dan dalam talian yang diluluskan oleh CIMB dan dicajkan kepada akaun Kad Kredit Yang Layak semasa Tempoh Kempen. Transaksi Perbelanjaan Layak dalam mata wang asing akan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia (RM) untuk tujuan pengiraan dan berdasarkan kepada kadar pertukaran semasa CIMB.
8. Bagi mengelakkan was-was, transaksi-transaksi berikut adalah secara nyata dikecualikan dan tidak akan dianggap sebagai Transaksi Perbelanjaan Layak:-
  - i) Transaksi untuk pembelian MHflypass ASEAN tersebut
  - ii) Transaksi Tunai Kuasi – (contohnya: transaksi pertaruhan dan/atau perjudian);
  - iii) Ansuran bulanan di bawah kemudahan pembayaran ansuran yang disediakan oleh CIMB;
  - iv) Pembayaran yuran tahunan atau caj perkhidmatan, caj penghantaran, pembayaran tunai, fi penggantian kad, cukai perkhidmatan kerajaan, caj pertikaian, caj fraud atau yuran-yuran, caj-caj atau penalti-penalti yang lain samada dikenakan oleh CIMB atau sebaliknya;
  - v) Transaksi pendahuluan/pengeluaran/deposit tunai;
  - vi) Transaksi perbelanjaan yang kemudiannya dibatalkan atau dipulangkan, dipertikaikan, tidak dibenarkan atau penipuan; dan
  - vii) Apa-apa transaksi yang dilakukan di negara yang merupakan ahli Komuniti Ekonomi Eropah (EEC) atau Kesatuan Eropah (EU).

Apa-apa penentuan oleh CIMB sebagai apa Transaksi Perbelanjaan Layak adalah konklusif dan tidak boleh dicabar dalam mana-mana cara sekalipun kecualian yang sama dilihat sebagai terlalu tidak adil.

9. Semua Transaksi Perbelanjaan Layak yang dilakukan oleh Peserta Yang Layak yang menikmati Diskaun akan dikesan secara automatik oleh CIMB bagi tujuan memenuhi Syarat Perbelanjaan.

Pengesanan Transaksi Perbelanjaan Layak adalah berdasarkan tarikh transaksi dan/atau waktu (Waktu Malaysia) seperti yang terdapat dalam rekod transaksi CIMB semasa Tempoh Kempen. Sekiranya pemegang kad mempunyai pelbagai kad kredit/-i, Transaksi Perbelanjaan Layak. Transaksi yang dilakukan pada setiap Kad Kredit Yang Layak akan digabungkan untuk memenuhi Syarat Perbelanjaan .

10. CIMB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan bagi apa-apa kelewatan dan/atau kesilapan atau kegagalan dalam penghantaran Transaksi Perbelanjaan Layak ke akaun Kad-kad Kredit Yang Layak milik Peserta yang Layak disebabkan oleh apa jua sebab yang ditimbulkan kerana kelewatan pada pihak peniaga melainkan ia adalah disebabkan oleh kecuaiian sengaja dan keingkaran CIMB. CIMB tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kegagalan dan/atau kelewatan dalam penghantaran bukti Transaksi Perbelanjaan Layak dan/atau pengeposan Transaksi Perbelanjaan Layak kepada Kad-kad Kredit Yang Layak milik Peserta yang Layak oleh Mastercard, Visa, pertubuhan peniaga atau mana-mana pihak lain melainkan yang sama berlaku akibat kecuaiian melampau atau keingkaran CIMB.
11. CIMB tidak akan melayan apa-apa jua aduan berkenaan dengan Pulangan Tunai dan tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan dalam apa cara sekalipun berkenaan dengan kegagalan teknikal atau apa jua bentuk, apa-apa campur tangan, gangguan dan/atau kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui Kad Kredit CIMB melainkan ia adalah disebabkan oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja oleh CIMB.

#### **Terma-terma dan Syarat-syarat Umum**

12. Peserta Yang Layak bersetuju dengan menyertai Kempen ini, mereka:
  - a) dikehendaki membaca dan memahami Terma dan Syarat ini;
  - b) mempunyai akses, membaca dan mengesahkan persetujuan mereka kepada Terma-Terma & Syarat-Syarat ini;
  - c) mengesahkan bahawa terma kontrak utama yang mempengaruhi kewajipan mereka telah dijelaskan dengan secukupnya kepada mereka;
  - d) memberi persetujuan kepada CIMB untuk memproses dan mendedahkan data peribadi mereka serta apa-apa data peribadi mana-mana individu yang Peserta Yang Layak boleh berkongsi dengan CIMB mengikut menurut Notis Privasi Kumpulan CIMB yang terdapat di [www.cimb.com.my](http://www.cimb.com.my);
  - e) bersetuju bahawa semua keputusan yang dilakukan adalah munasabah oleh CIMB berkenaan dengan setiap aspek Kempen ini, termasuk Pulangan Tunai Muktamad yang diberikan dan penentuan Peserta Yang Layak, adalah muktamad, terikat dan konklusif; dan
  - f) bersetuju bahawa CIMB tidak akan dalam apa cara sekalipun dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab kepada Peserta Yang Layak sekiranya CIMB tidak dapat melaksanakan keseluruhan atau sebahagian kewajibannya kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:
    - (i) kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data, talian penghantaran;
    - (ii) kegagalan elektrik;
    - (iii) pertikaian industri, perang, mogok atau rusuhan;
    - (iv) apa-apa bencana alam ("*act of God*") di luar kawalan CIMB; atau

(v) apa-apa faktor dalam bentuk *force majeure* yang berada di luar kawalan munasabah CIMB.

13. Peserta Yang Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai Kempen jika semasa Tempoh Kempen:
- a) Peserta Yang Layak memungkirinya terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal Kad Kredit Yang Layak;
  - b) Kad Kredit Yang Layak ditamatkan atau ditutup atau tertakluk kepada apa-apa ikatan, perintah bertentangan yang dikenakan oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang diiktirafkan oleh undang-undang,
  - c) Kad Kredit Yang Layak telah delinkuen, tidak sah atau dibatalkan oleh Peserta Yang Layak atau CIMB.

14. CIMB menyimpan hak atas budi bicara tunggalnya untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta Yang Layak yang ia ditentukan bertindak memungkirinya Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.

CIMB memiliki hak untuk memperpanjang, memendekkan, mengakhiri, atau menangguhkan Kempen dengan memberikan pemberitahuan selama tujuh (7) hari kalendar kepada Peserta Layak melalui:

- (i) pengumuman di laman web CIMB; dan/atau
- (ii) Notis di cawangan CIMB; dan/atau
- (iii) Melalui cara pemberitahuan lain yang CIMB pilih.

Bagi mengelakkan keraguan, CIMB tidak akan dipertanggungjawabkan bagi apa-apa kerugian, kehilangan atau perbelanjaan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Yang Layak akibat secara langsung atau tidak langsung oleh Pulangan Tunai Muktamad dan/atau tindakan pembatalan, penggantungan, pemendekan atau pelanjutan Kempen ini.

15. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta Yang Layak atau mana-mana pihak bagi apa-apa kehilangan atau kerugian (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak) akibat daripada penyertaan atau bukan penyertaan Peserta Yang layak dalam Kempen, melainkan jika ia timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiannya melampau dan keingkaran sengaja CIMB.

16. a) CIMB menyimpan hak untuk meminda, menambah, memadam atau mengubahsuai mana-mana terma-terma dan syarat-syarat ("Pindaan") dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Peserta Yang Layak melalui:
- (i) pengumuman di laman web CIMB; dan/ atau
  - (ii) notis di cawangan-cawangan CIMB; dan/ atau
  - (iii) iklan dalam satu surat khabar pilihan CIMB; dan/ atau
  - (iv) atau melalui apa-apa kaedah notifikasi lain yang boleh dipilih oleh CIMB
- b) Pindaan akan dianggap terikat ke atas Peserta Yang Layak dari tarikh yang dinyatakan oleh CIMB dalam notifikasi.
- c) Jika perubahan tersebut dikehendaki oleh undang-undang atau mana-mana peraturan, peraturan, arahan, notis dan garis panduan ("Peraturan") maka perubahan tersebut akan berkuat kuasa mengikut undang-undang atau Peraturan dan CIMB akan

- memaklumkan/memberi notis kepada Peserta/Pelanggan yang Layak mengenai perubahan ini secepat mungkin.
- d) Peserta Yang Layak bersetuju untuk mengakses laman web CIMB pada selang masa yang tetap untuk menyemak Terma-terma dan Syarat-syarat Kempen ini dan memastikan bahawa mereka sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada terma-terma dan syarat-syarat ini.
17. Peserta Yang Layak akan menanggung rugi sepenuhnya dan memastikan CIMB tidak menanggung rugi terhadap apa-apa fi, kos, caj, perbelanjaan, kerugian, kerosakan atau liabiliti yang mungkin ditanggung oleh CIMB akibat daripada:
- a) Peserta Yang Layak menyertai kempen ini; dan/ atau
  - b) melanggar atau gagal mematuhi Terma dan Syarat ini.
18. Terma-terma dan Syarat-Syarat ini:
- a) akan mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terdapat dalam mana-mana bahan lain yang mengiklankan Kempen ini; dan
  - b) hendaklah dibaca bersama dengan terma-terma dan syarat-syarat Kad Kredit Yang Layak semasa yang akan digunapakai sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini.
19. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan peraturan, peraturan dan garis panduan Bank Negara Malaysia dan badan-badan kawal selia lain yang berkaitan di mana CIMB tertakluk.
20. Jika CIMB tidak melaksanakan hak yang ada dalam Terma dan Syarat ini, ini tidak menghalang CIMB daripada melaksanakan hak tersebut atau mana-mana hak lain yang dimiliki CIMB pada masa akan datang.
21. Laman Web CIMB mungkin mengandungi pautan ke laman web lain ("**Pauntan Pihak Ketiga**"). CIMB tidak mempunyai kawalan ke atas, dan tidak memantau atau menyemak kandungan Pautan Pihak Ketiga. Jika Peserta Yang Layak mengklik Pautan Pihak Ketiga, Peserta Yang Layak memahami bahawa mereka mengakses Pautan Pihak Ketiga atas risiko sendiri dan CIMB tidak bertanggungjawab atas sebarang kerugian yang mungkin dialami oleh Peserta Yang Layak.
22. Peserta Yang Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB untuk maklum balas dan/atau aduan berkenaan dengan Kempen, melalui surat, panggilan telefon, dan emel:  
Alamat: CIMB Bank Berhad / CIMB Islamic Bank Berhad, Customer Resolution Unit (CRU),  
P.O. Box 10338, GPO Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan  
No Telefon: 603 6204 7788  
E-mel: [cru@cimb.com](mailto:cru@cimb.com)
23. CIMB boleh menukar butiran hubungan di atas dengan memaklumkan Peserta Yang Layak melalui pengumuman di laman web CIMB atau dengan apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB.